

**PERLEMBAGAAN BAGI**

**PERTUBUHAN INDUK BERCAWANGAN**

(PPM-002-14-01061978)

**PERSATUAN WANITA TENAGA NASIONAL BERHAD MALAYSIA**

(PPM-002-14-01061978)

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN WANITA TENAGA NASIONAL BERHAD MALAYSIA**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **Juga dikenali dengan nama ringkasnya - PELITAWANIS TNB.**

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**TENAGA NASIONAL BERHAD, NO. 129, JALAN BANGSAR  
59200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**TENAGA NASIONAL BERHAD, NO. 129, JALAN BANGSAR  
59200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

**FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

3.1 Memupuk dan meningkatkan kerjasama, persefahaman dan perhubungan muhibbah di antara anggota kerja wanita dan isteri anggota kerja Kumpulan TNB.

3.2 Mewujudkan dan menggalakkan silaturrahim dan interaksi di kalangan ahli-ahli dengan pengurusan Kumpulan TNB.

3.3 Mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan ahli-ahli dan keluarga serta isu masyarakat terkini kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

3.4 Menganjurkan kegiatan sosial, keagamaan dan aktiviti-aktiviti seperti sukan, ceramah, forum, kursus, seminar, perbincangan dan sebagainya ke arah peningkatan ilmu pengetahuan dan prestasi ahli-ahli.

3.5 Menganjurkan program-program mengumpul wang dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk kebajikan dan kemajuan ahli-ahli.

3.6 Bekerjasama dengan Pertubuhan berdaftar yang lain yang mempunyai matlamat-matlamat yang sama dengan matlamat-matlamat Persatuan dengan tujuan untuk mencapai dan meningkatkan matlamat-matlamat Persatuan.

3.7 Mengadakan program-program untuk mengeratkan perhubungan dengan lain-lain Pertubuhan wanita yang berdaftar demi memupuk semangat persefahaman dan menambahkan pengetahuan melalui rancangan-rancangan pembangunan negara khususnya yang berkaitan dengan kaum wanita di negara ini.

## FASAL 4 KEAHLIAN

### 4.1 Ahli Biasa

4.1.1 Orang-orang yang layak untuk menjadi Ahli Biasa adalah seperti berikut:

- a) Anggota kerja wanita Kumpulan TNB
- b) Isteri kepada anggota kerja Kumpulan TNB
- c) Anggota kerja/isteri kepada anggota kerja yang berkhidmat secara kontrak perkhidmatan.

4.1.2 Permohonan menjadi Ahli Biasa hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati daripada Setiausaha Agung Kebangsaan.

4.1.3 Tiap-tiap permohonan menjadi Ahli Biasa hendaklah disertai dengan Yuran Masuk dan Yuran Tahunan seperti yang ditetapkan di dalam Perlembagaan. Permohonan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung Kebangsaan yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Kebangsaan dan Jawatankuasa Kebangsaan boleh mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi apa-apa alasan.

4.1.4 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, akan diterima menjadi ahli Persatuan di Cawangan yang dipohon dan berkuatkuasa pada tarikh keahlian diluluskan. Jika permohonan menjadi ahli ditolak oleh Persatuan, Yuran Masuk dan Yuran Tahunan yang diterima akan dibayar balik kepada pemohon.

4.1.5 Tiap-tiap ahli baru akan diberi maklumat berkaitan Perlembagaan Persatuan yang boleh dicapai melalui webpage Persatuan PELITAWANIS TNB.

#### 4.2 Ahli Seumur Hidup

Anggota kerja wanita dan isteri anggota kerja Kumpulan TNB layak memohon menjadi Ahli Seumur Hidup.

4.2.1 Permohonan adalah seperti diperuntukkan di Perkara 4.1 diatas dengan syarat Ahli Biasa tersebut atau suami mereka telah atau akan menamatkan perkhidmatannya dengan Kumpulan TNB.

4.2.2 Permohonan-permohonan untuk menjadi Ahli Seumur Hidup memerlukan kelulusan Jawatankuasa Kebangsaan dan Jawatankuasa ini berhak untuk memberi pertimbangan yang difikirkan wajar dan sesuai dalam keadaan tertentu.

4.2.3 Ahli-ahli ini layak menikmati keistimewaan-keistimewaan seperti ahli-ahli biasa termasuk mengundi dan memegang jawatan dalam Persatuan.

#### 4.3 Ahli Kehormat

Yang DiPertua dengan persetujuan Jawatankuasa Kebangsaan boleh melantik Ahli Kehormat di kalangan ahli-ahli yang telah memberi sumbangan cemerlang kepada Persatuan. Ahli Kehormat layak menikmati keistimewaan di dalam Persatuan tetapi tidak berhak mengundi atau memegang jawatan di dalam Persatuan.

#### 4.4 Ahli Bersekutu

4.4.1 Permohonan untuk menjadi Ahli Bersekutu adalah seperti diperuntukkan di Perkara 4.1 di atas.

4.4.2 Keahlian Bersekutu adalah terbuka kepada wanita-wanita jika mereka atau suami mereka ada kaitan dengan Kumpulan TNB tetapi tidak berkhidmat dengan Kumpulan TNB. Maksud (ada kaitan) adalah diatas penentuan Jawatankuasa Kebangsaan yang difikirkan wajar dan bermanfaat kepada Persatuan mengikut budi bicaranya.

4.4.3 Ahli-ahli bersekutu layak menikmati keistimewaan seperti ahli-ahli biasa tetapi tidak berhak mengundi atau memegang jawatan dalam Persatuan.

### **FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

5.1 Keahlian seorang ahli akan ditamatkan jika beliau:

- a) mengemukakan notis pemberhentian secara bertulis kepada Setiausaha Agung Kebangsaan.
- b) meninggal dunia.
- c) fikirannya tidak siuman.
- d) gagal membayar yuran dalam tempoh dua tahun berturut-turut bagi Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu.
- e) menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan di Kumpulan TNB.

5.2 Tarikh kuatkuasa pengguguran ahli akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan.

5.3 Ahli-ahli akan dikenakan tindakan tatatertib dan / atau dipecat keahliannya sekiranya kelakuan atau sebarang kenyataan yang dibuatnya didapati oleh Jawatankuasa Kebangsaan bertentangan dengan kepentingan dan nama baik Persatuan. Walaubagaimanapun tindakan memecat seseorang ahli hanyalah akan diambil setelah ahli berkenaan diberi peluang untuk membela diri.

5.4 Seorang ahli yang ditamatkan keahliannya di bawah Perkara 5.1 di atas boleh memohon semula untuk menjadi ahli dengan mengisi borang permohonan baru, membayar yuran-yuran yang ditetapkan dan menjelaskan apa-apa hutang kepada Persatuan jika ada. Permohonan ini memerlukan kelulusan Jawatankuasa Kebangsaan. Walaubagaimanapun ahli yang dipecat tidak layak memohon untuk menjadi ahli semula.

5.5 Ahli-ahli yang berhenti daripada keahlian Persatuan tidak berhak menerima atau menuntut ke atas sebarang harta, wang Persatuan dan sebarang yuran yang telah dibayarnya semasa menjadi ahli.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

6.1 Seorang yang menjadi ahli hendaklah membayar yuran tahunan dengan penuh.

6.1.1 Yuran hendaklah dibayar secara tunai atau potongan gaji dengan persetujuan ahli atau suami ahli dimana ahli adalah isteri kepada anggota kerja Kumpulan TNB .

6.1.2 Pembayaran Yuran Tahunan:

a) setiap orang ahli dikehendaki membayar yuran tahunan selewat-lewatnya pada akhir tahun kewangan berkenaan.

b) seorang ahli yang gagal berbuat demikian akan diberi notis secara bertulis oleh Bendahari Cawangan di mana ia menjadi ahli supaya menjelaskan tunggakannya di dalam masa satu bulan dari tarikh surat tersebut.

c) kegagalan menjelaskan tunggakan akan menyebabkan keahliannya akan ditarik balik kecuali ahli secara bertulis memohon untuk menanggungkan bayaran.

6.2 Yuran Tahunan dan Yuran Masuk adalah seperti berikut:

6.2.1 Ahli Biasa

Kategori:

a) Isteri anggota kerja bukan Eksekutif dan anggota kerja wanita bukan Eksekutif.  
Yuran Masuk : RM5.00 & Yuran Tahunan : RM24.00

b) Isteri anggota kerja Eksekutif dan anggota kerja wanita Eksekutif.  
Yuran Masuk : RM10.00 & Yuran Tahunan : RM36.00

6.2.2 Ahli Seumur Hidup

Kategori:

a) Isteri anggota kerja bukan Eksekutif dan anggota kerja wanita bukan Eksekutif.

Yuran Masuk : RM100.00 & Yuran Tahunan : (Tiada)

b) Isteri anggota kerja Eksekutif dan anggota kerja wanita Eksekutif.  
Yuran Masuk : RM200.00 & Yuran Tahunan : (Tiada)

#### 6.2.3 Ahli Bersekutu

Yuran Masuk : RM10.00 & Yuran Tahunan : RM50.00

6.3 Yuran-yuran khas atau kutipan wang yang melibatkan keseluruhan ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan.

6.4 Jawatankuasa Kebangsaan mempunyai kuasa untuk menetapkan Yuran Masuk Semula bagi sesiapa jika keahliannya dilucutkan atau ditamatkan di atas sebarang sebab.

## FASAL 7 MESYUARAT PERWAKILAN

### 7.1 MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

7.1.1 Mesyuarat Agung Perwakilan mestilah diadakan pada setiap tahun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan.

7.1.2 Agenda bagi Mesyuarat Agung Perwakilan ialah:

- a) Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan jika perlu.
- b) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan yang lalu
- c) Menerima Laporan Tahunan Persatuan mengenai pergerakannya di dalam tahun yang lalu.
- d) Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang lalu.
- e) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan dua (2) tahun sekali.
- f) Melantik Juruaudit Dalaman dua (2) tahun sekali.
- g) Membincangkan usul-usul dan perkara-perkara lain yang telah diberitahu secara bertulis kepada Setiausaha Agung dua puluh lapan (28) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- h) Ucapan penangguhan.

7.1.3 Setiausaha Agung hendaklah memberikan kepada semua Cawangan enam puluh (60) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan satu notis pendahuluan yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat yang akan diadakan dan meminta Cawangan-Cawangan mengemukakan usul-usul yang telah diluluskan di Mesyuarat Agung Cawangan yang hendak dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan. Notis pendahuluan ini hendaklah juga dipamerkan di Pejabat Persatuan. Tiap-tiap Pengerusi Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari setelah menerima notis pendahuluan itu.

7.1.4 Usul untuk perbincangan di dalam mesyuarat mesti sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada dua puluh lapan (28) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan.

7.1.5 Nama-nama wakil pencalonan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan supaya sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada dua puluh lapan (28) hari selepas penerimaan pengumuman mesyuarat.

7.1.6 Setiausaha Agung hendaklah memberikan kepada semua Cawangan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan satu Agenda Mesyuarat, salinan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan yang lalu, usul-usul pindaan Perlembagaan jika ada dan lain-lain usul, dan Penyata Kira-Kira yang sudah diaudit bagi tahun lalu. Salinan-salinan dokumen ini perlu juga diadakan di pejabat atau tempat mesyuarat Persatuan untuk kegunaan ahli-ahli.

7.1.7 Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah dihadiri oleh:

- (a) Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan
- (b) Wakil-wakil Cawangan

7.1.8 Mereka yang tersebut di atas sahaja yang berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Perwakilan. Setiap ahli Persatuan boleh dengan persetujuan Yang DiPertua hadir tetapi mereka tidak berhak bersuara atau mengundi.

7.1.9 Wakil-wakil Cawangan hendaklah dilantik tiap-tiap tahun oleh Cawangan masing-masing untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan. Sebuah Cawangan berhak menghantar dua (2) orang wakil bagi tiap-tiap dua puluh (20) orang ahli yang pertama yang berhak mengundi dan satu (1) orang wakil lagi bagi tiap-tiap dua puluh (20) orang ahli yang layak mengundi lebih daripada dua puluh (20) orang ahli yang pertama, dengan syarat jumlah wakil bagi sesebuah Cawangan tidak melebihi tujuh (7) orang wakil.

7.1.10 Mesyuarat Agung perwakilan berkuasa mentafsir, meminda dan menentukan apa-apa perkara yang tidak jelas di dalam Perlembagaan Persatuan dan meluluskan usul dan membuat keputusan dalam hal-hal lain.

7.1.11 Korum untuk mesyuarat dianggap cukup jika wakil-wakil Cawangan yang hadir tidak kira jumlahnya adalah lebih daripada setengah bilangan Cawangan yang mempunyai Sijil Kebenaran dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

7.1.12 Jika selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk sesuatu Mesyuarat Agung Perwakilan, korum masih tidak mencukupi, mesyuarat itu boleh ditangguhkan ke suatu tarikh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kebangsaan tetapi tidak melebihi empat belas (14) hari. Sekiranya korum masih tidak cukup setengah jam selepas masa yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan yang ditangguhkan itu, maka bilangan ahli yang hadir mempunyai kuasa untuk meneruskan mesyuarat hari itu, tetapi mereka tidak berkuasa meminda Perlembagaan Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan

semua ahli.

## 7.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan

7.2.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan akan diadakan:

- a) apabila difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Kebangsaan; atau
- b) di atas permintaan bertulis oleh Ahli-ahli Jawatankuasa bagi lima Cawangan atau lebih dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab tertentu.

7.2.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan yang diminta oleh Cawangan hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

7.2.3 Notis dan agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan akan diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat itu. Agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan hendaklah terhad kepada perkara yang dibangkitkan oleh pihak berkenaan seperti di perenggan 7.2.1 di atas sahaja.

7.2.4 Bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan yang dipanggil di bawah perkara 7.2.1 (a) korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Perwakilan seperti di perenggan 7.1.11 dan 7.1.12 akan juga digunakan untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan. Bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan yang diminta di bawah 7.2.1 (b) di atas, perenggan 7.1.11 dan 7.1.12 adalah juga digunakan tetapi dengan syarat jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan satu Mesyuarat Agung Luar Biasa Perwakilan bagi tujuan yang sama tidak boleh dibenarkan sehingga sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tersebut.

## FASAL 8 JAWATANKUASA PUSAT

8.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kebangsaan adalah seperti berikut:

- a) Yang DiPertua
- b) Dua (2) orang Timbalan Yang DiPertua
- c) Lima (5) orang Naib Yang DiPertua
- d) Setiausaha Agung
- e) Penolong Setiausaha Agung
- f) Bendahari Agung
- g) Penolong Bendahari Agung
- h) Sekurang-kurangnya Dua Belas (12) orang Ahli Jawatankuasa Biasa atau lebih mengikut keperluan

8.2 Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kebangsaan

- a) Isteri Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TNB menjadi Yang DiPertua PELITAWANIS TNB. Jika Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif adalah seorang wanita beliau boleh melantik seorang eksekutif wanita atau isteri eksekutif yang memegang jawatan yang tinggi di Kumpulan TNB untuk menjadi Yang DiPertua.

- b) Pemegang-Pemegang jawatan Timbalan Yang DiPertua adalah dipilih dan dilantik dua (2) tahun sekali oleh Yang DiPertua dengan persetujuan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Perwakilan.
- c) Pemegang-Pemegang jawatan Naib Yang DiPertua adalah dilantik melalui pemilihan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan dua (2) tahun sekali.
- d) Jawatan-jawatan bagi Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan Penolong Bendahari Agung hendaklah diisi melalui pemilihan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan dua (2) tahun sekali.
- e) Bagi Perkara 8.1 (h) di atas, lapan (8) orang ahli adalah dilantik melalui pemilihan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan dan empat (4) orang ahli lagi adalah dilantik oleh Yang DiPertua. Kedua-dua perlantikan ini diadakan dua (2) tahun sekali. Ahli-ahli yang dilantik mempunyai kuasa seperti ahli Jawatankuasa yang dipilih.
- f) Jika berlaku kekosongan di dalam 8.1 (b)(c)(d)(e)(f)(g) dan (h) di atas, Yang DiPertua dengan persetujuan Jawatankuasa Kebangsaan berhak memilih seorang ahli yang difikirkan sesuai untuk memenuhi bagi tiap-tiap kekosongan itu bagi baki tempoh perkhidmatan berkenaan.

## **FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

### **9.1 Yang DiPertua**

a) Yang DiPertua akan menjadi Pengerusi bagi semua mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan dan Mesyuarat Agung Perwakilan dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat tersebut.

b) Beliau juga mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani minit tiap-tiap satu mesyuarat yang diluluskan.

### **9.2 Timbalan Yang DiPertua**

Timbalan Yang DiPertua akan menjalankan tugas Yang DiPertua pada masa ketiadaannya.

### **9.3 Naib Yang DiPertua**

Naib Yang DiPertua akan menjalankan tugas-tugas Yang DiPertua bagi aktiviti-aktiviti tertentu dari masa ke semasa.

### **9.4 Setiausaha Agung**

a) Mengendalikan segala urusan Persatuan khususnya berkenaan dengan surat menyurat dan menyimpan semua buku rekod, risalah, kertas dan minit mesyuarat.

b) Bertanggungjawab menyimpan dan mengemaskini buku daftar ahli dan pemegang-pemegang jawatan yang lengkap.

c) Menyediakan Laporan Tahunan untuk Mesyuarat Agung Perwakilan.



d) Mengeluarkan notis-notis, memanggil mesyuarat-mesyuarat dan mencatat minit-minit mesyuarat.

e) Menghantar penyata-penyata tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan menyelaraskan permohonan dan pendaftaran Cawangan.

#### 9.5 Penolong Setiausaha Agung

Penolong Setiausaha Agung akan membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaannya.

#### 9.6 Bendahari Agung

a) Bertanggungjawab terhadap semua perkara berkaitan dengan kewangan Persatuan.

b) Bertanggungjawab menyimpan akaun wang keluar masuk dan bertanggungjawab menyimpan semua rekod kewangan Persatuan.

c) Bertanggungjawab menyediakan Laporan Akaun Tahunan dan penyata kira-kira untuk diperiksa oleh Juruaudit.

#### 9.7 Penolong Bendahari Agung

Penolong Bendahari Agung akan membantu Bendahari Agung menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaannya.

#### 9.8 Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan

Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan hendaklah menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan dan membantu pegawai-pegawai diatas menjalankan kegiatan Persatuan.

#### 9.9 Tanggungjawab Jawatankuasa Kebangsaan

a) Jawatankuasa Kebangsaan bertanggungjawab menggubal dasar Persatuan untuk dibawa dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan serta merancang strategi-strategi pelaksanaan dasar mengikut Perlembagaan Persatuan.

b) Jawatankuasa Kebangsaan bertanggungjawab menyusun aktiviti-aktiviti Persatuan dan mengawasi serta menentukan bahawa tidak ada apa perkara-perkara yang dilakukan oleh ahli dan Cawangan bertentangan dengan Perlembagaan Persatuan.

c) Jika ada perkara-perkara tertentu berkenaan dengan dasar Perlembagaan, Jawatankuasa Kebangsaan perlu merujuk kepada Mesyuarat Agung Perwakilan untuk kelulusan.

d) Jawatankuasa Kebangsaan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun dan notis untuk satu-satu mesyuarat itu hendaklah diberi dalam tempoh (7) hari kepada ahli-ahlinya.

e) Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan dianggap sah jika dihadiri oleh setengah (1/2) daripada jumlah ahli Jawatankuasa Kebangsaan.

f) Jawatankuasa Kebangsaan boleh memberi arahan-arahan kepada Setiausaha Agung dan Pegawai-Pegawai lain dalam menjalankan hal ehwal Persatuan.

g) Jawatankuasa Kebangsaan boleh membentuk Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil, jika difikirkan perlu.

h) Jawatankuasa Kebangsaan boleh menggantung atau memecat anggota-anggotanya yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan atau dilantik oleh Yang DiPertua sekiranya tindakannya itu difikirkan betul dan perlu dari segi kepentingan Persatuan berdasarkan Perlembagaan ini.

i) Keputusan Jawatankuasa Kebangsaan mestilah dipatuhi oleh semua ahli Persatuan kecuali dan sehingga dipinda oleh satu keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

j) Di antara Mesyuarat Agung Perwakilan, Jawatankuasa Kebangsaan boleh memberi tafsiran kepada Perlembagaan ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak tersebut di dalam Perlembagaan ini. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan, keputusan Jawatankuasa Kebangsaan terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

#### 9.10 Kuasa menandatangani cek-cek Persatuan

Kuasa menandatangani cek-cek persatuan adalah diberikan kepada mana-mana dua orang pegawai berikut iaitu Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua I, Timbalan Yang Dipertua II, Bendahari Agung atau Setiausaha Agung.

## FASAL 10 KEWANGAN

10.1 Persatuan hendaklah membuka akaun bank di atas nama Persatuan.

10.2 Tahun kewangan bagi Persatuan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

10.3 Sumber-sumber kewangan Persatuan adalah seperti berikut:

- a) Yuran Masuk
- b) Sumbangan derma daripada orang perseorangan atau pihak ketiga yang lain.
- c) Sumbangan yang diperolehi melalui kegiatan-kegiatan Persatuan untuk menambah tabung kewangan.

10.4 Wang Persatuan boleh digunakan untuk:

- a) perbelanjaan pentadbiran
- b) lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kebangsaan

10.5 Semua wang yang terkumpul di peringkat Kebangsaan dan Cawangan adalah menjadi milik Persatuan.

10.6 Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan di semua peringkat, hasil daripada penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan objektif Persatuan ini dan tidak sebahagianpun dari wang atau keuntungan itu akan digunakan bagi membayar apa-apa bayaran keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Persatuan. Walaupun begitu peruntukan ini tidak menghalang bayaran-bayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar gaji atau perbelanjaan yang munasabah kepada mana-mana ahli atau pekerja Persatuan ini.

10.7 Bendahari Agung dibenarkan memegang wang tunai tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ribu(RM1,000.00) dalam satu-satu masa. Wang yang selebihnya hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh diterima, dimasukkan ke dalam bank.

10.8 Perbelanjaan tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) pada satu-satu masa hendaklah diluluskan oleh Yang DiPertua, Bendahari Agung dan Setiausaha Agung. Perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) hingga Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000.00) pada satu-satu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Kebangsaan.

Perbelanjaan yang melebihi Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000.00) pada sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Mesyuarat Agung Perwakilan.

10.9 Bendahari Agung hendaklah menyediakan Penyata-penyata Kewangan secepat mungkin selepas berakhir tahun kewangan untuk diperiksa oleh Juruaudit Dalaman. Juruaudit Luaran akan dipanggil hanya dalam keadaan tertentu yang difikirkan perlu.

10.10 Penyata Kewangan yang telah diaudit hendaklah ditandatangani bersama oleh Bendahari Agung dan Yang DiPertua.

## **FASAL 11 JURUAUDIT**

### **11.1 Juruaudit Dalaman**

11.1.1 Ahli yang tidak memegang jawatan dalam Jawatankuasa Kebangsaan atau Jawatankuasa Cawangan akan dilantik oleh Mesyuarat Agung Perwakilan atau Mesyuarat Agung Cawangan sebagai Juruaudit Dalaman dan memegang jawatan bagi tempoh dua (2) tahun.

11.1.2 Juruaudit Dalaman dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan atau Cawangan untuk tahun berkenaan dan mengesahkan Penyata Kira-Kira dan Laporan Kewangan tahunan sebelum dibentangkan di Mesyuarat Agung Cawangan / Mesyuarat Agung Perwakilan.

11.1.3 Juruaudit Dalaman yang dilantik boleh, apabila dikehendaki oleh Yang DiPertua atau Pengerusi Cawangan memeriksa kira-kira Persatuan atau Cawangan pada bila-bila masa dan tarikh dalam masa mereka memegang jawatan dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Kebangsaan atau Jawatankuasa Cawangan.

## 11.2 Juruaudit Luaran

11.2.1 Juruaudit Luaran dari pihak pengurusan Kumpulan TNB yang bukan ahli akan diminta oleh Yang DiPertua atau Pengerusi Cawangan pada bila-bila masa untuk memeriksa akaun Persatuan atau Cawangan dan membuat laporan berkenaannya secara bertulis. Walaubagaimanapun Yang DiPertua berhak meminta Juruaudit Luaran untuk memeriksa akaun mana-mana Cawangan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

## FASAL 12 **PENTADBIR HARTA**

- TIADA -

## FASAL 13 **PEMBUBARAN**

13.1 Persatuan boleh dimansuhkan dengan persetujuan tidak kurang daripada dua per tiga (2/3) jumlah wakil Persatuan yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan.

13.2 Sekiranya Persatuan dimansuhkan, maka hutang dan tanggungan yang sah pada sisi Undang-Undang hendaklah dijelaskan dengan sepenuhnya dan baki wang yang tertinggal hendaklah dikembalikan kepada ahli mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Perwakilan.

## FASAL 14 **PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN**

### 14.1 Penubuhan Cawangan-Cawangan

a)Jawatankuasa Kebangsaan boleh, dengan undian majoriti meluluskan penubuhan sebuah Cawangan dimana terdapat sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang ahli yang berhak mengundi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kebangsaan dengan undian majoriti, boleh meluluskan penubuhan cawangan yang bilangan ahli kurang daripada empat puluh (40) orang dalam keadaan tertentu mengikut budi bicaranya.

b)Penubuhan Cawangan perlu mendapat kebenaran secara bertulis dari Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu seperti dikehendaki di bawah seksyen 12(1) Akta Pertubuhan 1966.

14.2 Jawatankuasa Kebangsaan boleh membubarkan Cawangan:

a)jika bilangan ahli-ahli di cawangan tersebut adalah kurang daripada apa yang telah dibenarkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan.

b)jika Cawangan berkenaan enggan mematuhi Perlembagaan atau keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan atau Jawatankuasa Kebangsaan atau

c)jika sekiranya pada pendapat Jawatankuasa Kebangsaan perjalanan Cawangan tersebut bertentangan dengan kepentingan Persatuan atau

d)jika sekiranya pada pendapat Jawatankuasa Kebangsaan perjalanan Cawangan tersebut tidak sesuai dengan keadaan semasa atau

e)jika Cawangan tidak lagi boleh beroperasi di bawah undang-undang sebagai satu badan di bawah Kumpulan TNB.

f)jika arahan di terima dari pihak Pengurusan TNB mengatakan bahawa Cawangan berkenaan tidak lagi boleh beroperasi atau diarah dibubarkan.

14.3 Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah dengan undi terbanyak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan dengan syarat sebelum keputusan pembubaran dibuat, Cawangan berkenaan hendaklah diberi tempoh tiga puluh (30) hari untuk menjawab sekiranya ada apa-apa tuduhan yang dinyatakan di dalam Perkara 14.2 di atas.

14.4 Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Cawangan berkenaan tidak lagi boleh beroperasi mulai dari tarikh penerimaan perintah kecuali untuk tujuan pembubaran. Sesebuah Cawangan yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perintah pembubaran, boleh melalui notis secara bertulis kepada Setiausaha Agung di dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis pembubaran diterima, membuat rayuan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan. Walaupun rayuan telah dibuat namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga ianya diketepikan tetapi di dalam keadaan sedemikian Jawatankuasa Kebangsaan boleh melantik dari ahli-ahlinya sebuah Jawatankuasa Sementara untuk mengendalikan urusan-urusan Cawangan sementara menunggu rayuan dipertimbangkan.

14.5 Jika sesuatu Cawangan ditutup kerana sebab yang disebutkan di Perkara 14.2 (a) dan (f) Perlembagaan ini, maka Jawatankuasa Kebangsaan hendaklah memindahkan ahli-ahli yang ada di dalam Cawangan berkenaan kepada Cawangan yang hampir sekali dan jika Cawangan ditutup kerana sebab Perkara 14.2 (b) (c) (d) dan (e) maka ahli-ahli akan berhenti daripada menjadi ahli Persatuan.

14.6 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Cawangan tersebut untuk menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku rekod, wang dan lain-lain harta di dalam simpanan Cawangan itu beserta dengan satu penyata akaun Cawangan mulai tarikh penyata akaun akhir sekali dikemukakan sehingga tarikh perintah pembubaran.

14.7 Sekiranya semua ahli sesebuah Cawangan memutuskan untuk menarik diri

dari Persatuan, pegawai-pegawai Cawangan tersebut hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada Setiausaha Agung semua buku rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki oleh Cawangan itu beserta dengan satu keterangan kira-kira Cawangan mulai dari tarikh penyata itu dihantar sehingga tarikh perintah pembubaran Cawangan dikeluarkan.

## FASAL 15 MESYUARAT AGUNG CAWANGAN

### 15.1 Mesyuarat Agung Cawangan

15.1.1 Mesyuarat Agung Cawangan mestilah diadakan secepat mungkin tidak lewat satu (1) bulan sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan tiap-tiap tahun supaya Penyata Kira-Kira Tahunan Cawangan bagi tahun yang lalu yang sempurna diaudit akan dapat dikeluarkan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan.

15.1.2 Agenda bagi Mesyuarat Agung Cawangan ialah:

- a) Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Cawangan jika perlu.
- b) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Cawangan yang lalu.
- c) Menerima Laporan Tahunan mengenai pergerakannya bagi tahun yang lalu.
- d) Menerima Laporan Kewangan dan penyata Kira-Kira Cawangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
- e) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dua (2) tahun sekali.
- f) Melantik Juruaudit dalaman dua (2) tahun sekali.
- g) Memilih wakil-wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan.
- h) Membincangkan usul-usul dan perkara-perkara lain yang telah diberitahu secara bertulis kepada Setiausaha empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Cawangan.
- i) Ucapan penangguhan.

15.1.3 Setiausaha hendaklah menyebarkan kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum Mesyuarat Agung Cawangan satu notis yang menyatakan tarikh, waktu, tempat dan Agenda Mesyuarat dan meminta ahli-ahli mengemukakan usul yang hendak dibentangkan di Mesyuarat Agung Cawangan dan pencalonan bagi pemilihan pegawai-pegawai Cawangan.

15.1.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum Mesyuarat Agung Cawangan diadakan satu agenda termasuk salinan peringatan mesyuarat dan Laporan Cawangan beserta Penyata Kira-Kira yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Cawangan.

15.1.5 Tiap-tiap ahli Biasa dan Seumur Hidup berhak menghadiri, bersuara dan mengundi dalam sebarang Mesyuarat Agung Cawangan.

15.1.6 Korum untuk Mesyuarat Agung Cawangan dianggap cukup jika sekurang-kurangnya satu perempat (1/4) daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi hadir di dalam sesuatu Mesyuarat Agung Cawangan untuk mengesahkan

perjalanan Mesyuarat.

15.1.7 Jika selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk sesuatu Mesyuarat Agung Cawangan korum masih tidak cukup, mesyuarat itu boleh ditangguhkan ke satu tarikh tidak lebih dari tujuh (7) hari yang ditentukan oleh Jawatankuasa Cawangan. Sekiranya korum masih tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli berkuasa untuk meneruskan mesyuarat hari itu tetapi tidak berkuasa membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

## 15.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan

15.2.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan hendaklah diadakan:

- a) Atas arahan Jawatankuasa Kebangsaan
- b) Apabila difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Cawangan atau
- c) Atas permintaan bertulis daripada tidak kurang dua puluh (20) orang Ahli Biasa Cawangan yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan dan sebab diadakan mesyuarat tersebut.

15.2.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan yang diadakan atas permintaan ahli-ahli hendaklah tidak lewat dari lima belas (15) hari selepas diterima permintaan tersebut.

15.2.3 Sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli Cawangan yang berhak mengundi atau dua (2) kali jumlah Ahli Jawatankuasa Cawangan (ikut mana yang kurang ) mestilah hadir di mana-mana Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan korum untuk mesyuarat.

15.2.4 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan atas permintaan ahli-ahli Cawangan maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan mesyuarat bagi tujuan yang sama tidak boleh dipanggil sehingga sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tersebut.

15.2.5 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli dan Setiausaha Agung satu salinan deraf catatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

## FASAL 16 JAWATANKUASA CAWANGAN

16.1 Keanggotaan Jawatankuasa Cawangan adalah seperti berikut:

- a) Pengerusi
- b) Satu (1) atau dua (2) Timbalan Pengerusi
- c) Setiausaha
- d) Penolong Setiausaha
- e) Bendahari
- f) Penolong Bendahari

g) Sekurang-kurangnya empat (4) orang Ahli Jawatankuasa Biasa atau lebih mengikut keperluan.

#### 16.2 Pemilihan Anggota Jawatankuasa Cawangan

a) Eksekutif Wanita/Isteri Eksekutif yang memegang jawatan tertinggi di sesebuah cawangan menjadi Pengerusi Cawangan.

b) Jawatan-jawatan bagi Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari adalah dilantik dua (2) tahun sekali oleh Pengerusi dengan persetujuan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Cawangan.

c) Jawatan-jawatan bagi Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari dan Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah diisi melalui pemilihan di dalam Mesyuarat Agung Cawangan dua (2) tahun sekali.

d) Jika berlaku kekosongan di dalam (b) (c) (d) (e) (f) dan (g) di atas, Pengerusi Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Cawangan berhak memilih seorang ahli yang difikirkan sesuai untuk memenuhi bagi tiap-tiap kekosongan bagi baki tempoh perkhidmatan berkenaan.

### FASAL 17 **TUGAS-TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN**

#### 17.1 Pengerusi

a) Pengerusi akan menjadi Pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat tersebut.

b) Beliau juga mempunyai undi pemutus dan akan menandatangani minit tiap-tiap satu mesyuarat yang diluluskan.

#### 17.2 Timbalan Pengerusi

Timbalan Pengerusi akan menjalankan tugas Pengerusi pada masa ketiadaannya.

#### 17.3 Setiausaha

a) Mengendalikan segala urusan Cawangan khususnya berkenaan dengan surat-menyurat dan menyimpan semua buku rekod, risalah, kertas dan minit mesyuarat.

b) Bertanggungjawab menyimpan buku daftar ahli dan pemegang-pemegang jawatan yang lengkap dan kemaskini.

c) Menyediakan Laporan Tahunan untuk Mesyuarat Agung Cawangan untuk dimajukan kepada Setiausaha Agung Persatuan.

d) Mengeluarkan notis-notis, memanggil mesyuarat-mesyuarat dan mencatat minit-minit mesyuarat.

e) Mengirim Penyata-Penyata Tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

#### 17.4 Bendahari



- a) Bertanggungjawab terhadap semua perkara kewangan Cawangan.
- b) Bertanggungjawab menyimpan akaun wang keluar masuk dan bertanggungjawab menyimpan semua rekod kewangan Cawangan.
- c) Bertanggungjawab menyediakan Laporan Akaun Tahunan dan Penyata Kira-Kira untuk diperiksa oleh Juruaudit.

#### 17.5 Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan

Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan membantu pegawai-pegawai diatas menjalankan kegiatan Cawangan.

#### 17.6 Tanggungjawab Jawatankuasa Cawangan

a) Jawatankuasa Cawangan bertanggungjawab menyusun aktiviti-aktiviti Cawangan dan mengawasi serta menentukan bahawa tidak ada perkara-perkara yang dilakukan oleh ahli dan Cawangan bertentangan dengan Perlembagaan Persatuan.

b) Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun dan notis untuk satu-satu mesyuarat itu hendaklah diberi dalam tempoh (7) hari kepada ahli-ahlinya.

c) Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dianggap sah jika dihadiri oleh setengah (1/2) daripada jumlah anggota Jawatankuasa Cawangan.

d) Jawatankuasa Cawangan boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-Pegawai lain untuk menjalankan hal ehwal Persatuan.

e) Jawatankuasa Cawangan boleh membentuk Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil, jika difikirkan perlu bagi menjalankan tugas yang tertentu dan Jawatankuasa Kecil ini bertanggungjawab terus kepada Pengerusi Cawangan.

f) Jawatankuasa Cawangan boleh menggantung atau memecat anggota-anggotanya yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Cawangan atau dilantik oleh Pengerusi sekiranya tindakannya itu difikirkan betul dan tepat dari segi kepentingan Persatuan berdasarkan Perlembagaan ini.

g) Keputusan Jawatankuasa Cawangan yang tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persatuan mestilah dipatuhi oleh semua ahli Cawangan.

#### 17.7 Kuasa menandatangani cek-cek Persatuan

Kuasa menandatangani cek-cek persatuan adalah diberikan kepada mana-mana dua orang pegawai berikut iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari atau Setiausaha.

## FASAL 18 KEWANGAN CAWANGAN

18.1 Cawangan hendaklah membuka akaun bank di atas nama Cawangan

berkenaan.

18.2 Tahun kewangan bagi Cawangan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

18.3 Sumber-sumber kewangan Cawangan adalah seperti berikut:

a)Yuran Tahunan

b)sumbangan derma daripada orang perseorangan atau pihak ketiga yang lain

c)hasil yang diperolehi melalui kegiatan-kegiatan Persatuan untuk menambah tabung kewangan

18.4 Wang Cawangan boleh digunakan untuk:

a)perbelanjaan pentadbiran

b)lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Cawangan

18.5 Semua wang yang terkumpul di dalam Tabung Cawangan adalah menjadi hak milik Persatuan.

18.6 Semua wang dan pendapatan yang didapati oleh Cawangan di semua peringkat dan hasil daripada penyertaan dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan objektif Persatuan ini dan tidak sebahagian pun dari wang atau pendapatan itu akan digunakan bagi membayar apa-apa bayaran keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Cawangan. Walaupun begitu peruntukan ini tidak menghalang bayaran-bayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar gaji atau perbelanjaan yang munasabah kepada mana-mana ahli atau anggota kerja Cawangan dan yang diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

18.7 Bendahari Cawangan dibenarkan memegang wang tunai tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ribu(RM1,000.00) dalam satu-satu masa. Wang yang selebihnya hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh diterima, dimasukkan balik ke bank.

18.8 Perbelanjaan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM 2,000.00) pada satu-satu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha. Perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM 2,000.00) hingga ke Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM 10,000.00) pada satu-satu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Cawangan.

Perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia sepuluh Ribu (RM10,000.00) hingga Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00) tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Mesyuarat Agung Cawangan.

18.9 Perbelanjaan yang melebihi Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00) pada sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Kebangsaan.

18.10 Bendahari Cawangan hendaklah menyediakan Penyata-Penyata Kewangan secepat mungkin setiap tahun untuk diperiksa oleh Juruaudit Cawangan.

18.11 Laporan Kewangan yang telah diaudit hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi dan Bendahari Cawangan.

18.12 Semua wang, buku kewangan dan lain-lain harta Cawangan yang disimpan oleh sesebuah Cawangan yang akan dibubarkan hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung Kebangsaan beserta dengan satu Penyata Akaun seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan ini.

## **FASAL 19 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM MENGENAI CAWANGAN**

19.1 Di mana tidak ada peraturan khas dibuat di dalam Perlembagaan ini bagi apa-apa perkara berkaitan dengan pengurusan hal-hal Cawangan Persatuan, undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan Jawatankuasa Kebangsaan hendaklah dipatuhi.

19.2 Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jawatankuasa Kebangsaan boleh memberi arahan dan pimpinan kepada Mesyuarat Agung Cawangan atau Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan mengenai pengurusan pentadbiran atau perkara yang berkaitan dengan Persatuan.

19.3 Di antara Mesyuarat Agung Perwakilan, Jawatankuasa Kebangsaan boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak tersebut di dalam Perlembagaan ini kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan. Keputusan Jawatankuasa Kebangsaan terhadap ahli atau Cawangan adalah muktamad melainkan diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan.

## **FASAL 20 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

Sebarang pindaan kepada Undang-Undang Persatuan yang tercatat di dalam Perlembagaan ini boleh dibuat dengan persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan. Semua pindaan undang-undang hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan dibuat dan pindaan-pindaan itu hanya dikuatkuasakan jika diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 21 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

Kumpulan TNB - TNB dan Anak-Anak Syarikatnya.

Anak Syarikat - Syarikat-syarikat subsidiari di dalam Kumpulan TNB.

Anggota Kerja Wanita - Membawa maksud anggota kerja wanita yang berkhidmat dengan kumpulan TNB.

Isteri - Membawa maksud isteri kepada anggota kerja Kumpulan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Tahun Kewangan - Adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember tiap-tiap tahun.

## FASAL 22 LARANGAN

- TIADA -

## FASAL 23 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera



Keterangan :

Berlatarbelakang warna hijau muda dengan lambang Persatuan di tengahnya. Warna hijau muda melambangkan persatuan peka dengan pengendalian alam sekitar.

### 2. Lambang



Keterangan :

Warna kuning melambangkan kematangan ahli menuju ke arah keluarga dan masyarakat cemerlang. Bulatan melambangkan pemuafakatan dan bersatu sebagai asas keharmonian Persatuan. Logo TNB melambangkan Persatuan adalah dibawah naungan Kumpulan TNB. Buku melambangkan pengetahuan dan peningkatan ilmu. Warna putih melambangkan ketulusan dan keikhlasan ahli-ahli. Lima garis melambangkan ahli-ahli bekerja menuju ke arah kejayaan. Tulisan Jawi melambangkan pengendalian warisan Negara. Warna merah, biru dan kelabu melambangkan warna-warna Korporat Kumpulan TNB manakala warna merah dan biru adalah juga warna-warna bendera Malaysia.

### 3. Lencana



Keterangan :

Lencana merupakan lambang persatuan dengan warna emas.

## **FASAL 24 PENAUNG**

Isteri Pengerusi atau Pengerusi TNB (sekiranya beliau seorang wanita) akan menjadi Penaung PELITAWANIS TNB.

## **FASAL 25 PENASIHAT**

25.1 Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TNB secara automatik akan menjadi Penasihat kepada Persatuan ini. Jika beliau tidak bersetuju diatas pelantikan ini, maka beliau boleh melantik seorang Eksekutif yang memegang jawatan tertinggi sebagai pengganti.

25.2 Eksekutif yang memegang jawatan tertinggi di sesebuah cawangan secara automatik akan dilantik sebagai penasihat bagi cawangan-cawangan PELITAWANIS TNB.

## **FASAL 26 PENASIHAT TEKNIKAL**

26.1 Yang DiPertua dengan persetujuan Jawatankuasa Kebangsaan boleh melantik sehingga tiga (3) orang ahli Penasihat Teknikal untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan dan Mesyuarat Agung Perwakilan.

26.2 Mereka layak menikmati hak dan keistimewaan sebagai Ahli Jawatankuasa Kebangsaan didalam Persatuan tetapi tidak berhak untuk mengundi.